

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : **17 JULAI 2019**

SOALAN :

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah keputusan yang dipersetujui oleh Malaysia dalam Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Sesi ke-14 di Arab Saudi pada 31 Mei 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC yang diadakan di Mekah, Arab Saudi baru-baru ini telah menerima pakai tiga (3) dokumen hasil yang merangkumi pelbagai isu politik, ekonomi dan sosio-budaya yang berkepentingan kepada negara-negara anggota OIC dan umat Islam.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya dua (2) dokumen yang diedarkan kepada negara-negara anggota OIC semasa Sidang Kemuncak tersebut berlangsung iaitu Kenyataan Akhir (*Final Communique*) dan Resolusi Khas mengenai isu Palestin. Negara-negara anggota OIC hanya menerima dokumen Deklarasi Mekah (*Makkah Declaration*) melalui laman rasmi OIC beberapa hari selepas berakhirnya Sidang Kemuncak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Secara dasarnya, dokumen hasil Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC merupakan keputusan yang telah dipersetujui oleh kesemua negara anggota OIC secara sebulat suara ('consensus') termasuk Malaysia. Pendirian Malaysia adalah selaras dengan pendirian OIC terutama sekali dalam isu-isu berkaitan dengan kepentingan Ummah sejagat seperti isu Palestin, situasi komuniti umat Muslim di negara-negara bukan Islam termasuk komuniti minoriti Islam di Selatan Filipina, Selatan Thailand dan etnik minoriti Rohingya di Myanmar, isu-isu keganasan dan fahaman pelampau keganasan (*Violent Extremism*) serta Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC (2016-2025).
5. Dalam isu Palestin, OIC telah menegaskan pendirian teguhnya serta sokongan yang penuh ke atas perjuangan rakyat Palestin untuk mendapatkan hak-hak mereka, termasuk hak untuk menujuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negara. Selain itu, OIC juga telah menolak keputusan Amerika Syarikat mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel dan memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Baitul Maqdis.
6. Bagi menzahirkan kesungguhan OIC dalam isu Palestin, satu (1) Resolusi Khas mengenai isu Palestin telah diterima pakai oleh Sidang Kemuncak tersebut yang turut menggariskan perkembangan terkini, pendirian negara-negara anggota OIC dalam isu ini serta tindakan yang harus diambil oleh OIC di peringkat antarabangsa dalam memelihara hak rakyat Palestin.
7. Semasa mesyuarat persediaan kepada Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC di peringkat menteri, YB Menteri Luar Negeri telah mengalu-alukan penyertaan Palestin ke Statut Rom pada tahun 2015. YB Menteri Luar Negeri turut memaklumkan usaha oleh Yayasan MyAQSA, sebuah pertubuhan bukan kerajaan Malaysia, melalui satu pasukan yang dianggotai oleh para peguam dan pembela hak asasi kemanusiaan mengumpul dan menyusun bukti-bukti kekerasan Israel terhadap rakyat Palestin, dengan tujuan untuk mendakwa rejim Israel

secara rasmi di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*International Criminal Court – ICC*).

Tuan Yang di-Pertua,

8. Berkenaan situasi komuniti umat Muslim di negara-negara bukan Islam, OIC telah menegaskan pentingnya mencapai penyelesaian jangka panjang supaya keamanan dan kestabilan dapat diwujudkan dan seterusnya dapat memacu pembangunan dan kesejahteraan umat Islam. Dalam penyediaan Kenyataan Akhir, Malaysia telah menyumbang secara positif dalam mengetengahkan isu masyarakat minoriti Islam di Selatan Thailand dan Selatan Filipina. Resolusi mengenai Selatan Thailand dan Selatan Filipina yang juga menekankan pentingnya peranan yang dimainkan oleh OIC telah diterima pakai semasa Sidang Kemuncak tersebut.

9. Dalam hal ini, peranan penting Malaysia selaku fasilitator kepada proses damai di Selatan Thailand turut diakui dalam Kenyataan Akhir Sidang Kemuncak tersebut.

10. Bagi situasi umat Islam minoriti di Selatan Filipina pula, peranan penting Malaysia turut diiktiraf apabila Sidang Kemuncak tersebut meluluskan pelantikan YBhg. Datuk Ibrahim Abdullah, mantan Duta Besar Malaysia ke Perancis sebagai Utusan Khas Setiausaha Agung OIC bagi Proses Perdamaian di Selatan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Dalam isu-isu keganasan dan fahaman pelampau keganasan, OIC menegaskan adalah menjadi tanggungjawab kesemua negara anggota OIC dan masyarakat antarabangsa untuk memerangi ancaman tersebut. Justeru, OIC menekankan keperluan strategi yang komprehensif bagi menangani keganasan, fahaman pelampau keganasan serta peranan OIC memainkan peranan yang lebih efektif di peringkat antarabangsa. Sidang Kemuncak tersebut turut mengecam serangan terhadap dua masjid di Christchurch, New Zealand, pengeboman saluran minyak di Arab Saudi dan juga serangan terhadap empat (4) kapal komersial di perairan Emiriah Arab Bersatu.

SOALAN NO : 26

12. Selain itu, Malaysia turut menekankan pembangunan ekonomi dan sosio-budaya dalam kalangan negara anggota OIC. Dalam hal ini, OIC telah mengguna pakai Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC (2016-2025) (*Ten Year Programme of Action – TYPOA*) sejak 2016 yang merangkumi kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh negara-negara anggota OIC untuk melaksanakan wawasan strategik OIC sebagai agen keamanan dan pembangunan.

13. Oleh itu, negara-negara anggota OIC diseru untuk memastikan matlamat yang ditetapkan dalam TYPOA dapat dilaksanakan dan dicapai demi kesejahteraan dan pembangunan umat Islam sejagat.

14. Penyertaan Malaysia ke Sidang Kemuncak OIC baru-baru ini mencerminkan komitmen Malaysia sebagai sebuah negara anggota OIC yang komited dan sentiasa menyokong objektif-objektif pertubuhan tersebut terutamanya dalam mengetengahkan isu Palestin dan Al-Quds Al-Sharif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 27

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian yang telah diambil untuk menggalakkan syarikat-syarikat insurans untuk mengembangkan perlindungan insurans mereka untuk penyakit-penyakit mental seperti yang telah dilakukan baru-baru ini di Singapura.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, syarikat-syarikat insurans di Malaysia adalah di bawah seliaan Bank Negara Malaysia (BNM). Walaupun penyeliaan BNM memfokus kepada keselamatan dan kekuahan kewangan syarikat-syarikat insurans tersebut, kedua-dua pihak BNM dan KKM turut mengadakan perbincangan bersama termasuk berkaitan manfaat-manfaat kesihatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans.

Namun, keputusan manfaat yang ditawarkan oleh syarikat insurans swasta adalah berdasarkan perancangan perniagaan mereka dan kelestarian tahap keuntungan sejajar dengan ethos syarikat berdasarkan keuntungan.

KKM juga mengambil berat terhadap peningkatan penyakit kesihatan mental di dalam kalangan penduduk Malaysia. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 menunjukkan prevalens penyakit kesihatan mental adalah tinggi di kalangan populasi dewasa iaitu 3 dalam 10 dan menunjukkan trend yang meningkat, dari 10.7% pada tahun 1996 kepada 29.2% pada tahun 2015. Malangnya, cabaran mental seperti kemurungan atau dengan izin *depression* dan juga *anxiety* memberi kesan negatif kepada produktiviti seseorang dan meningkatkan kecenderungan kepada penyalahgunaan bahan-bahan seperti dadah dan ubat-ubatan. Kumpulan B40 mencatatkan peratusan masalah kesihatan mental yang lebih tinggi iaitu 32% berbanding 28% dari kumpulan bukan B40.

Dalam melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau PeKa B40, KKM bekerjasama dengan pengamal perubatan swasta dalam bidang saringan kesihatan termasuk saringan kesihatan mental. Ini adalah selaras dengan salah satu fokus Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan mental.

Pengesanan awal masalah kesihatan mental dapat mengurangkan kos rawatan, meningkatkan kualiti kehidupan dan meningkatkan status Kumpulan B40. Inisiatif KKM ini diharapkan dapat menjadi titik tolak bagi menggalakkan masyarakat, syarikat-syarikat termasuklah pihak insurans untuk menitikberatkan juga penjagaan kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.